

Medan Bahasa

Zaman Dan Perubahan Bahasa

“Ada orang mengatakan bahawa kata-kata yang dipelatkan menurut lidah Melayu itu, hendak dikatakan Inggeris bukannya Inggeris, hendak pun dikatakan Melayu bukan Melayu. Jadinya di tengah-tengah ibarat kodok: Di dalam air ia boleh hidup, di darat pun boleh. Maka sekali-kali tiada halal dimakan dia. Jika demikian haramlah ditelan kata-kata itu...” Demikian satu pendapat yang dikemukakan oleh Tuan Nukman al-Yamin – Terengganu, dalam tulisannya ini – P.Q

(Oleh: Nukman al-Yamin)

Masa berganti masa dan tiap-tiap bahasa itu tiada sunyi daripada mengalami perubahan. Maka tergantunglah baik buruknya perubahan itu atas yang empunya bahasa atau yang memakainya. Oleh sebab pemakainya, bahasa itu boleh berkembang, demikian pula ia boleh menjadi cacat dan bercampur-aduk dengan perkataan-perkataan asing sehingga tiada nampak kejatiannya lagi.

Pada lazimnya yang berubah itu ialah makna perkataan dan gaya bahasa. Perkataan-perkataan boleh dengan dua cara. Pertama berubah bunyinya, kedua berubah patahnya. Barang bila bunyi berubah maka patahnya pun mengikut serta.

Adapun sebabnya maka bunyi atau sebutan itu boleh berubah ialah dari kerana dua sebab. Pertamanya, kerana pilih orang-orang yang memakainya, iaitu daripada sangat terencilnya pemakai-pemakai bahasa itu daripada hulu bangsanya

atau ahli-ahli di dalam bahasa itu. Kedua, ialah dari sebab salah sebutan tunggal tiada berapa tepat ejaannya. Misal-misalnya seperti di bawah ini:

Yang di eja

Sebutannya yang asal

Keluarga

Kula warga (dua patah)

Suria

Suraya

Atma jiwa

Utama jiwa

Merbahaya

Mara bahaya

Sekali peristiwa

Sekali peristawa

Margastua

Marga situa

Seru (sekalian)

Sawara

Atau

Ataua, atawa

Segera

Sigara

Pelik juga kita dapati bahawa tiada disebut

orang perkataan “Hulubalang” menurut ejaannya,

Halbalang. Baharu-baharu ini ada pula kita dengar orang yang menyebut perkataan ((ra'yat)) itu ((rakyat)) mengikut ejaan ruminya Rakyat

Kata-kata harus berubah kerana tinggal bunyinya yang di panggil atau yang di tengah, seperti:

“Yang di tengah”

Sahya (Sahaya) – saya

Sengahaja – sengaja

Baharu – baru

Menghadap – mengadap

Merdeheka – merdeka

Tahadi – tadi

Sahaja – saja

Meniharap – meniarap

Piyahal – pial

Senantiasia – sentiasa

“Yang di penggal”

Upaduta – duta

Adiraja – diraja

Emak – mak

Ikan Tempaus – ikan Paus

Hudang – udang

Halintah – lintah

Halipan – lipan

Harimau – rimau

Haloba – loba

Ada kalanya sesuatu perkataan terubah kerana sebutan penggalnya. Dengan hal yang demikian hilanglah dari ingatan kebanyakan orang apa gerangan akar umbinya perkataan itu, umpamanya:

Pati (mematikan) – jadi: Mati

denda pati ertinya diyat

Tampak (menampakkan) – jadi: nampak

Tanti (menanti) – jadi: nanti

Kembang (bulan mengambang) – jadi: ambang

Pinta (meminta) – jadi: Minta; Mintak

Sebagai lagi sepatah perkataan itu harus

mendapat makna yang baharu pula. Yang demikian memang berlaku kepada tiap-tiap bahasa. Andainya, jika kita menyebut ((*Si bulat berhati mutu*)), sudah barang tentu orang-orang yang hidup pada beberapa zaman yang silam akan mengerti, iaitu saya boleh berdukacita. Adapun pada masa ini jarang-jarang sekali orang-orang yang mengerti kecuali jikalau kita belajar ilmu lughah ataupun ada kamus yang bagus di sisi kita. Mutu boleh bermakna manikam. Maka berlainanlah pula maknanya apabila kita kata ((*emas sepuluh mutu*)) yakni 24 karat emas. Dari sini mutu mendapat makna baharu pula iaitu nilai sesuatu benda itu, seperti ((*barang ini tinggi mutunya*)). Pendek kata banyaklah lagi perkataan-perkataan yang berubah secara demikian, istimewa pula pada zaman ini, bukannya sedikit perkataan yang direka orang. Dalam pada itu janganlah pula kita lupai perkataan-perkataan yang lama. Jika tidak, nescaya lenyaplah ia dengan sendirinya.

Bahawa beralihnya gaya bahasa atau lenggang-lengguknya itu pula ialah disebabkan oleh pengaruh –pengaruh daripada bahasa-bahasa asing dan tekanan penjajah yang amat kuat. Daripada apa yang terjadi kepada bangsa dan bahasa Melayu di dalam beberapa tahun yang lalu sahaja, maftumlah kita yang ianya ada dipengaruhi oleh bahasa Inggeris. Alangkah peliknya bila kita fikir: Bahawa sesuatu bangsa dapat menghalau

penjajah, selangkah pengaruhnya tiada dapat dikikis.

Akan saudara-saudara kita yang di Indonesia pula dipengaruhi

Belanda. Dari itu hubaya-hubaya kita sedar dan insaf.

Berpalinglah kita kepada jalan yang benar – jalan yang

disinari dan dipandu oleh gaya dan resaman bahasa

Melayu jati. Demi mengembangkan bahasa Melayu jati itu

pedoman kita. Pedoman yang dapat mengelak tempuhan

harus keinggerisan dan kebelandaan yang amat kuat itu.

Seyogya kita perjuangi barang apa yang telah diperjuangkan oleh ahli bahasa dan wartawan Melayu yang masyhur al-Marhum Tuan Muhammad Adnan Bin Muhammad Arifin, pahlawan pena yang mempertahankan bahasanya dengan tidak berganjak barang setapak pun. Demikian pula almarhum Abdul Rahim Kajai dan beberapa banyak lagi ahli-ahli bahasa Melayu. Kita peliharakan bentuk dan susuk Melayunya, kita peliharakan kemurniannya, ((jangan sampai jadi seperti menggesek rebab bertali sumbang.....))

Suatu perkara lagi yang mustahak disebutkan di sini ialah bahawa pada pemandangan kita penulis-penulis Melayu sekarang suka sangat memakai kata-kata Inggeris di dalam karangan-karangannya pada hal perkataan ada ataupun sudah ada perkataannya. Bukanlah dengan jalan menggunakan perkataan-perkataan Inggeris itu maka karangan kita boleh melangit mutunya. Setengah di antara setengahnya pula salah tempat menggunakan perkataan asing itu. Sesungguhnya karangan yang senang difaham, elok susunan dan lenggangnya lebih tinggi nilainya daripada karangan yang bercampur aduk dengan perkataan-perkataan asing yang belum diterima oleh telinga Melayu jati. Bukanlah pada perkataan-perkataan yang menyebabkan orang terbatuk-batuk hendak menyebutnya itu terletak tingginya mutu

karangan. Pengarang Inggeris John Byrne dapat menimbulkan nama tunggal mudah difaham dan bagus karangannya.

Sekiranya barangsiapa lekat tabiat memakai perkataan-perkataan asing (tambahan pula tiada disertakan maknanya) dan perkataan-perkataan yang belum diterima oleh telinga anak Melayu kecuali yang sedia ada, maka anggurlah ia tidak usaha menunjukkan tarian qalamnya seperti berpenat jerih melandaikan otaknya. Nyatalah kepada kita yang ia hendak menyusah dan menakut-nakutkan pembacanya jua. Daripada ditulis, baik simpankan sahaja di dalam hati, habis perkara.

Adapun jikalau benar-benar tiada perkataan Melayunya atau perkataan yang sedia dipakai di dalam bahasa dan persuratan Melayu, baharulah boleh dipinjam kata-kata asing. Itupun apakala sudah dihalusi nyimpang-nyimpang ada perkataan yang sedia ada di dalam penuturan Melayu. Bilamana didapati tiada, ambillah bahasa-bahasa daerah atau bahasa-bahasa yang terkandung di dalam alam Melayu, seperti Jawa dan lain-lainnya. Sebab bahasa-bahasa asalnya Melayu jua. Jika tidak, ikhtiarkan terlebih dahulu, jangan apakah kiranya berputus harapan.

Boleh jadi perkara menelan boleh-boleh kata-kata asing, inilah maka setengah-setengah puak daripada bangsa Melayu dan daripada yang bukan Melayu enggan meraikan bahasa kebangsaan. Ada orang mengatakan bahawa kata-kata yang dipelatkan “menurut lidah Melayu” itu, hendak dikatakan Inggeris, bukannya Inggeris, hendak pun dikatakan Melayu bukan Melayu. Jadinya di tengah-tengah. Ibarat kodok: Di dalam air ia boleh hidup, di darat pun boleh. Maka sekali-kali tiada halal dimakan ia. Jika demikian haramlah ditelan kata-kata itu adanya!